

PROGRAM BENGKEL AIR TIDAK BERHASIL (NRW) PADA 19-22 JANUARI 2010 DI PARADISE SANDY BEACH RESORT, PULAU PINANG

Y Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara telah berkesempatan untuk meluangkan masa merasmikan program ini yang serentak dengan lawatan kerja beliau ke Negeri Pulau Pinang. Beliau telah diiringi oleh Y Bhg Dato' TKN (Negeri) dan Pengarah Audit Cawangan Negeri Pulau Pinang. Dalam ucapan ringkasnya beliau meminta agar pegawai audit yang menyertai bengkel ini dapat menyediakan satu rangka laporan yang komprehensif agar dapat membantu pihak / entiti pengurusan air yang terlibat dalam '*check and balance*' agar setiap peruntukan yang dikeluarkan oleh negara memberi manfaat kepada rakyat.



Gambar 1 : Ucapan aluan dan perasmian KAN dalam perasmian bengkel

Peserta untuk bengkel ini terdiri daripada pegawai audit di Bahagian Pengauditan Air, Sektor Audit Khas dan Penyelidikan (SAKP) dan Cawangan Audit Negeri yang telah menjalankan pengauditan pretasi terhadap Air Tidak Berhasil (NRW) yang terdiri daripada lima negeri iaitu Negeri Sembilan, Kelantan, Pulau Pinang, Pahang dan Sabah.

Program Bengkel Air Tidak Berhasil ini telah diadakan selama 3 hari bermula dari 19 hingga 22 Januari 2010 dan diadakan di Paradise Sandy Beach Resort, Pulau Pinang. Pemilihan lokasi di Pulau Pinang adalah disebabkan

- PBA PP adalah merupakan Negeri yang telah mencatatkan peratusan (%) NRW yang terendah di Malaysia. Satu taklimat telah diberikan oleh pegawai-pegawai PBA PP
- Lawatan Tapak ke projek NRW PBA PP

Dalam bengkel ini, setiap negeri telah mempersembahkan laporan penemuan audit yang telah dipengerusi oleh Pengarah Bahagian Pengauditan Air bersama Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan serta jemputan Juruperunding Air. Setiap perbincangan dan penambahbaikan akan dijalankan secara dua hala dan tempoh persembahan yang diperuntukan selama 45 minit bergantung kepada perkara yang berbangkit. Pada Bengkel tersebut, perbincangan terhadap laporan penyatuan juga dibentangkan berserta menyelaraskan format laporan audit berdasarkan arahan TKN (N) berhubung pelaporan Laporan Ketua Audit Negara

Gambar 2



Gambar 3



Gambar 2 dan 3 : Sesi pembentangan dan perbincangan bengkel NRW yang dipengerusi oleh Pengarah BPA.

Lawatan ke Pejabat Operasi PBA PP telah dilaksanakan pada hari kedua bengkel. Pada lawatan tersebut, taklimat berhubung pencapaian dan kejayaan PBA PP dalam menguruskan NRW sehingga diakui yang terbaik di Malaysia telah disampaikan oleh En Chew iaitu Pengurus Unit NRW. Selain itu juga penerangan berhubung aplikasi GIS di Pulau Pinang dan keperluan verifikasi dan kalibrasi juga telah disampaikan.

Gambar 4 :Sesi taklimat oleh PBA PP



Gambar 5 : Lawatan Tapak DMZ dan PRV



Maklumbalas Peserta

Gambar 6 : Lawatan Tapak Verifikasi dan Kalibrasi Meter di PBA PP



Borang Penilaian Kursus di sediakan oleh Akademi bagi menilai dan mengambil maklum balas peserta yang menghadiri bengkel tersebut. Sejumlah 19 borang maklum balas telah diperolehi dan secara keseluruhannya semua peserta telah memberi tahap yang **cemerlang (8 hingga 10)** terhadap keseluruhan bengkel ini.

Gambar 7 : Sesi bergambar selepas bengkel berakhir.

